

**Media Monitoring**

Publication: **Berita Harian - Ekonomi**

Circulation/Audience: **231,163**

Date: **2 October 2007**

Reference: **Goldis**

Headline: **Goldis rancang biak ikan secara organik**

## Goldis rancang biak ikan secara organik

**G**OLDIS Bhd menerusi anak syarikatnya, Protech-Yu (Asia) Sdn Bhd merancang mengembangkan perniagaannya dalam bidang penternakan akuakultur dengan pembinaan kemudahan pembiakan ikan secara organik di Tanjung Malim, Perak.

Ketua Pelaburan Korporat Goldis, Colin Ng, berkata, syarikat merancang melabur kira-kira RM10 juta bagi pembinaan kemudahan itu yang dijangka mula beroperasi menjelang tahun depan.

Beliau berkata, kemudahan yang akan dibina di tapak seluas empat hektar itu akan menempatkan pelbagai spesies ikan bermutu tinggi seperti Barramundi, Murray Cod dan Jade Perch.

Menggunakan teknik akuakultur dari Australia dikenali sebagai Fish Protech Controlled Aquaculture System (CAS), kemudahan penternakan itu, katanya mampu menghasilkan 180 tan ikan setahun.

Beliau menjelaskan sistem itu dicipta oleh jurutera kelahiran Australia, Johan Don yang mula mengembangkan teknologi CAS di Malaysia menerusi projek prototaip penternakan ikan secara organik di Kuching, Sarawak.

"Permintaan terhadap ikan organik adalah sangat besar dan perniagaan ini berpotensi untuk terus berkembang.

"Penggunaan ikan di China umpamanya ialah sebanyak 3.6 bilion kilogram setahun iaitu merangkumi 36 peratus daripada jumlah penggunaan ikan dunia," katanya di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Sementara itu, Don berkata, sistem Fish Protech CAS adalah lebih cekap dari segi kos berbanding teknik akuakultur konvensional.